

PEMBERIAN HADIAH KEPADA GOLONGAN BUKAN ISLAM PADA HARI KEBESARAN MEREKA; ANTARA WALA DAN IHSAN: KAJIAN DI SINGAPURA

Syed Muhammad Adib Termizi al-Jafari
Alumni Ph.D Fakulti Syariah dan Undang-undang USIM, Pensyarah Bebas Singapura.
Md_Adib1@hotmail.com

Abstrak

Keharmonian hubungan antara masyarakat berbilang bangsa dan agama hanya dapat dipertahankan melalui interaksi yang sihat di antara mereka serta saling bertolak ansur. Salah satu bentuk interaksi antara kaum yang terdapat di Republik Singapura adalah memberi hadiah kepada golongan bukan Islam pada hari kebesaran mereka. Bentuk interaksi sebegini tidak dapat di terima oleh sebahagian masyarakat Islam yang berkeyakinan bahawa ia berada di dalam lingkaran wala yang diharamkan. Justeru kertas kerja ini bertujuan menghuraikan perbezaan di antara wala dan juga ihsan supaya ia dapat dijadikan panduan dan batasan dalam interaksi antara agama. Kertas kerja ini menggunakan pendekatan deskriptif dengan mengumpulkan pandangan para ulama bahasa arab dan tafsir dalam menghuraikan perbezaan makna wala dan ihsan. Metode pemerhatian juga diterapkan bagi melihat kepada realiti yang berlaku dalam masyarakat Islam di Singapura dalam persoalan ini untuk mendapatkan panduan hukum terhadapnya. Hasil kajian menunjukkan bahawa memberi hadiah kepada golongan bukan Islam pada hari kebesaran mereka adalah daripada perkara keihsanan yang digalakkan dan bukannya daripada wala yang diharamkan.

Kata Kunci: *Masyarakat, Keharmonian Kaum, Singapura, Wala, Ihsan.*

PENDAHULUAN

Masyarakat Singapura adalah sebuah masyarakat berbilang bangsa dan agama yang mempunyai latar belakang tersendiri. Bagi menjamin kestabilan negara, keharmonian kaum mesti dilindungi dan disuburkan. Dalam usaha melindungi keharmonian ini, akta keharmonian agama telah diluluskan pada tahun 1990. Ia diikuti dengan penubuhan “*Inter-Racial and Religious Confidence Circles*” atau lebih dikenali dengan (IRCC) pada tahun 2002.

Objektif utama IRCC adalah mempromosi, memupuk dan menguatkan lagi hubungan antara masyarakat dan bangsa yang berada di Singapura. Untuk mencapai objektif ini IRCC telah mengemukakan sebuah dokumen bertajuk “*Komitmen Menjaga Keharmonian Agama*”. Dokumen ini secara keseluruhannya melakarkan garis panduan dan saranan bagaimana kehidupan harmoni antara masyarakat Singapura dapat dipelihara dan disuburkan. Antara saranan yang dikemukakan adalah agar masyarakat Singapura terus membina hubungan yang

erat antara agama dengan salah satu caranya adalah melalui pemberian hadiah pada hari kebesaran sesebuah agama. Saranan ini mendapat maklum balas yang berbelah bagi dari kalangan masyarakat Islam, dengan sebahagian dari mereka menganggap perkara ini ditegah oleh agama kerana ia merupakan salah satu bentuk *wala* yang diharamkan oleh al-Quran.

METODOLOGI

Metodologi kajian merupakan teknik yang digunakan oleh pengkaji dalam mendapatkan data yang diperlukan bagi menyelesaikan sesebuah permasalahan. Dalam kertas kerja ini penulis menggunakan pendekatan analisis dokumen iaitu pencarian data dengan menggunakan sumber tertulis. Penulis akan mengumpulkan pendapat para ulama bahasa arab dan *mufassir* dalam menerangkan perbezaan makna atau petunjuk lafaz *al-Wala* dan *al-Ihsan*. Demikian juga di dalam permasalahan pemberian hadiah kepada golongan bukan Islam pada hari keagamaan mereka, penulis akan meneliti pandangan para fuqaha serta hujah-hujah mereka.

Setelah melakukan pembacaan, penelitian dan perbandingan terhadap bahan bacaan yang telah dikumpulkan, penulis akan menghasilkan sebuah rumusan yang membezakan antara *wala* dan *ihsan* kepada golongan bukan Islam. Rumusan ini akan diterapkan dalam mentarjih pandangan para ulama dalam persoalan pemberian hadiah pada hari keagamaan serta membina beberapa garis panduan mengenainya.

Penulis juga akan membuat penelitian terhadap fakta-fakta sejarah bagi mengukuhkan rumusan yang telah di buat. Penulis mengharapkan agar rumusan ini dapat menghuraikan kekusutan dan kesilapan faham yang berlaku dalam hubungan seorang muslim dan agama lain.

Metode pemerhatian juga digunakan bagi mengetahui reality yang berlaku dalam masyarakat islam Singapura apabila tibanya hari keagamaan kaum lain. sikap seorang muslim terhadap agama lain untuk membangun batasan-batasan penghormatan dan tolak ansur terhadap agama lain.

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Asas Hubungan Antara Muslim Dan Bukan Islam

Asas hubungan antara seorang muslim dan bukan muslim adalah penentu kepada sikap yang harus diambil di dalam berinteraksi dengan mereka. Dalam hal ini para ulama mempunyai dua pandangan yang berbeza

Pandangan pertama: mengatakan bahawa asas perhubungan diantara seorang muslim dan bukan Islam adalah permusuhan. Pendirian mereka ini berdasarkan keumuman lafaz beberapa ayat al-Quran dan hadis yang menyuruh memerangi golongan bukan Islam, sehingga mereka memeluk Islam atau tunduk dibawah pemerintahannya seperti firman Allah Taala dalam surah al-Anfal ayat-39 dan surah al-Taubah ayat ke-29.

Demikian juga dengan hadis “Aku diperintahkan untuk memerangi manusia sehingga mereka berkata: Tiada tuhan melainkan Allah, dan barangsiapa yang berkata tiada tuhan yang disembah melainkan Allah, maka terjagalah nyawa dan hartanya dari ku, kecuali dengan hak Islam dan perhitungannya adalah kepada Allah”.

Walaupun ayat dan hadis sebegini mempunyai konteks yang khusus iaitu suasana peperangan yang sedang berlaku antara masyarakat Islam di zaman Nabi dan golongan bukan Islam, namun ia tidak diambil kira kerana pandangan ini menerapkan kaedah “Sesuatu itu dihukumkan mengikut keumuman lafaz dan bukan mengikut sebab yang khusus” (العبرة بعموم اللفظ، لا بخصوص السبب). Pengabaian kaedah yang telah disepakati ini akan membawa kepada runtuhnya kebanyakan makna yang dikehendaki oleh al-Quran dan al-Sunnah.

Pandangan kedua: mengatakan bahawa asas perhubungan antara seorang muslim dan bukan Islam adalah perdamaian dan keamanan berdasarkan surah al-Mumtahanah ayat ke 8-9. Asas ini tidak akan berubah kepada permusuhan kecuali pada waktu tertentu.

Berkenaan dengan kaedah (العبرة بعموم اللفظ، لا بخصوص السبب), para ulama telah mensyaratkan untuk mengamalkannya, hendaklah tiada halangan di dalam mengamalkan keumuman lafaz. Jika terdapat halangan maka ia tidak boleh diamalkan, kerana petunjuk lafaz ayat terhadap sebabnya lebih kuat, berbanding petunjuk terhadap selainnya. Ini disebabkan

petunjuk pertama bersifat *qatie*, sementara yang kedua berstatus *zahnni*. Pada persoalan ini halangan untuk menerapkan kaedah itu adalah ayat-ayat yang menyuruh berbuat baik kepada golongan bukan Islam. Oleh yang demikian hendaklah keumuman tersebut dibataskan hanya kepada sebab penurunan ayat iaitu berperang dengan mereka yang memulakan peperangan ke atas umat Islam.

Begitu juga harus dibezakan antara penggunaan lafaz umum keatas sebab yang khusus dan petunjuk konteks dalam sesebuah teks. Dalam hal penggunaan lafaz umum keatas sebab yang khusus, sebab itu tidak dapat mengecilkan skop makna umum yang dibawakan oleh nas. Manakala dalam hal kedua pula konteks itu boleh membataskan keumuman lafaz yang digunakan oleh teks al-Quran atau hadis.

Dalam hal ayat-ayat yang menyuruh orang Islam berperang dengan golongan bukan Islam, sebab penurunannya merupakan petunjuk konteks ke atas teks (دلالة السياق والقرائن). Oleh yang demikian keumuman lafaz ayat tidak diamalkan, bahkan ia hanya terbatas kepada sebab penurunannya sahaja.

Perbezaan antara *wala* dan *ihsan*

Wala dari segi bahasa mempunyai lebih daripada dua puluh satu makna. Daripada makna-makna ini dapat disimpulkan bahawa tema besar dari makna *wala* adalah kepercayaan dan kecintaan kepada seseorang sehingga membenarkan orang tersebut menguruskan segala hal ehwal kehidupannya. Makna inilah yang dilarang oleh al-Quran dalam perhubungan antara muslim dan bukan Islam seperti firman Allah dalam surah al-Mumtahanah ayat pertama.

Ihsan pula adalah melakukan kebaikan kepada seseorang tanpa terdapat sebarang sifat kesetiaan kepadanya. Terdapat banyak ayat al-Quran yang menyuruh berlaku ihsan kepada setiap manusia seperti firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat ke-83.

Nas-nas yang menggalakkan seseorang berbuat ihsan secara menyeluruh tidak boleh disampingkan dalam memahami larangan ber*wala* kepada golongan bukan Islam. Ia dapat mendorong kepada sikap eksklusivisme sosial yang boleh membawa bahaya dalam masyarakat.

Al-Quran juga dengan jelas telah membezakan antara sifat *wala* dan ihsan dalam surah al-Nisa ayat 89-90 dan al-Mumtahanah ayat 8-9. Dari kedua-dua ayat ini didapati bahawa Allah

tidak melarang berbuat baik kepada golongan bukan Islam dengan syarat tidak sampai ke tahap kesetiaan yang menyokong segala tindakan mereka walau dalam membenci agama Islam.

Pemberian kepada golongan bukan Islam

Para fuqaha telah bersepakat bahawa tidak disyaratkan bagi penerima pemberian itu seorang muslim begitu juga sebaliknya. Terdapat sejumlah hadis yang menunjukkan berlakunya pemberian dari seorang muslim kepada orang bukan Islam di zaman Nabi SAW dan sahabat RA. Tambahan pula ia merupakan sebuah sifat terpuji yang dapat memberikan impak yang positif kepada agama Islam secara keseluruhannya.

Adapun hadiah yang diberikan kepada golongan bukan Islam pada hari kebesaran mereka dilihat terlebih dahulu, apakah hadiah itu merupakan sesuatu yang dikhususkan untuk perayaan mereka ataupun tidak. Jika hadiah itu merupakan sesuatu perkara yang dikhususkan dalam perayaan mereka, maka haram bagi seorang muslim menjadikannya sebagai hadiah kerana ia dari bentuk penyerupaan yang diharamkan. Namun jika bukan dari sesuatu pemberian yang dikhususkan untuk hari perayaan maka ia termasuk di bawah keumuman keharusan memberi hadiah kepada golongan bukan Islam dengan menjaga beberapa *dhawabith*:

1. Hadiah itu bukan sesuatu yang diharamkan Syarak seperti arak dan lambang agama lain.
2. Hadiah itu diberikan bukan atas nama perayaan atau kerananya atau bersebab menyambutnya juga.
3. Tiada berlaku penyerupaan dengan amalan agama lain atau budaya yang khas buat mereka.

KESIMPULAN

Dapatan kejian menunjukkan bahawa pemberian hadiah kepada golongan bukan Islam pada hari kebesaran mereka merupakan sebuah bentuk ihsan dan bukannya *wala* atau membenarkan kepercayaan mereka. penulis juga mencadangkan supaya diharuskan setiap perkara-perkara yang baru terbit di dalam pergaulan dan perhubungan antara manusia, jika ianya tidak menghalalkan yang haram atau sebaliknya, dan dalam meninggalkannya akan mendatangkan

ketidak harmonian, menyinggung perasaan dan membawa kepada perpecahan serta berpalingan antara satu sama lain.

RUJUKAN

- Al-Amidi, Ali bin Abi Ali. (Tt). *al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Al-Baghawi, Hussain bin Masud. 2002. *Tafsir al-Baghawi*. Beirut: Dar Ibnu Hazm.
- Al-Baihaqi, Ahmad bin Al-Hussain. (2003). *Al-Sunan al-Kubra*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. 1987. *Sahih al-Bukhari*. Kaherah: Dar al-Rayyan.
- Al-Hajawi, Musa bin Ahmad. (T:t). *al-Iqna fi Fikh Imam Ahmad bin Hanbal*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Hashfaki, Muhammad bin Ali. (2002) *al-Dur al-Mukhtar Syarah Tanwir al-Abshar*, Beirut: Dar al-Kutub al-ilmiyah.
- Al-Ja'fari, Sharifah Nadirah Nasibah bte Ahmad.(2022). *Ta'mir al-Muslimin Ma'bid al-Adyan al-Ukhra: al-Ahkam wa al-Dhawabith*. Thesis Ph.d. USIM.
- Al-Juwaini, Abdul Malik bin Abdillah. (2007). *Nihayah al-Mathlab*. Jeddah: Dar al- Minhaj.
- Al-Lakhmi, Ali bin Muhammad. (2011). *al-Tabsirah*. Qatar: Wizarah al-Awqaf wa al-Syuun al-Islamiyyah.
- Al-Qarafi, Ahmad bin Idris. 2003. *Al-Furuuq*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Qurthubi, Muhammad bin Ansar. 2006. *Al-Jami' li ahkam al-Quran*. Al-Mansurah: Maktabah al-Iman.
- Al-Razi, Muhammad bin Umar. (1997). *al-Mahsul*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Sarakhsi, Muhammad bin Ahmad. (1993). *al-Mabsuth*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Subki, Abdul Wahab bin Ali. 1991. *Al-Aysbah wa al-Nazair*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Tirmizi, Muhammad bin Isa. Tt. *Sunan al-Termizi*. T.Tempat: Bayt al-Afkar al-Dauliyyah.
- Al-Tabari, Muhammad bin Jarir. (2001). *Tafsir al-Thabari*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Zamnakawi, Mahmud Muhammad Ali. (2010). *al-l'laqah al-Ijtimai'yyah baina al-Muslimin wa Ghairi al-Muslimin fi al-Syariah al-Islamiyyah*. Beirut: Kitab Nasyirun.
- Ibnu Abi Syaibah, Abu Bakar. (1409H). *al-Musannaf*. Riyadh: Maktabah al-Ruysd.
- Ibnu Hajar al-Asqalani, Ahmad bin Ali. 1986. *Fath al-Bari*. Kaherah: Dar al- Rayyan.

Mansur, Saied Wajih. (2011). *Ahkam al-Hadiah fi al-Fikh al-Islami*. Nablus: Jamia'h al- Najah.

Sarar, Salim. (2005). *Iztizaz al-Zimmi fi al-Fikh al-Islami*. Algeria: Jamiah al-Hadj Lakhdar.

al-Zarkasyi, Muhammad. 1988. *Al-Bahru al-Muhith fi Usuli al-Fiqh*. Kuwait: Wizaratil Awqaf.

Al-Zubaidi, Muhammad Murthadha. 2012. *Taj al-A'rus min Jawahiri al-Qamus*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.